



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG  
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS  
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN**

**PERATURAN 7(a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN  
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT  
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (PODIATRY) (M.13-14 EB.15)  
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 19 JULAI 2025  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 02 OGOS 2025  
BILANGAN IKLAN: 2025/JUN/04/KKS**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat KELAYAKAN MINIMUM akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.




**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (PODIATRY)**  
**JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = ENAM (06)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Podiatry* atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh Lembaga-Lembaga Profesional Kesihatan adalah menjadi satu kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan Lembaga-lembaga profesional kesihatan jika diperlukan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengambil peranan sebagai pegawai perklinikan dalam bidang Podiatri (*Podiatry*) di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis klinikal (*Clinical Diagnosis*) tentang penyakit yang memerlukan rawatan kaedah Podiatri (*Podiatry*);
2. Membuat preskripsi kaedah rawatan yang efektif mengikut kemahiran masing-masing;
3. Membantu di dalam membuat penyelidikan saintifik mengikut keperluan Jabatan serta perkhidmatan podiatri di dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan kaedah-kaedah rawatan. Ini juga termasuk menyediakan dan mengadakan *peer paper reviews, systematic reviews, meta-analysis* dan sebagainya;
4. Mengikuti lawatan-lawatan ke wad-wad pesakit (*Ward Round*);
5. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya;
6. Melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik (*Academic Lecturer*) jika diperlukan mengikut arahan pegawai atasan;



7. Sebagai *leader* dan *developer* kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawabnya; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,  
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,  
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN,  
JALAN MENTERI BESAR,  
BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Emel : [recruitment.ahp@moh.gov.bn](mailto:recruitment.ahp@moh.gov.bn)**

**No.Tel : 2383020**